

Puteri diingat jauhi politik wang,

benci membenci

KUALA LLJMPUR 26 Ogos — Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan anggota Pergerakan Puteri UMNO menjauhi budaya buruk seperti politik wang dan benci membenci sesama sendiri pada pemilihan peringkat bahagian dan pusat bermula bulan depan.

Beliau yang juga Presiden UMNO menggesa anggota pergerakan yang menjadi calon, tidak mencari kelemahan atau kesalahan pihak lain untuk memancing undi.

“Saya minta budaya ini jangan diserapkan dalam Puteri (UMNO). Jangan cuba timbulkan kebencian sesama kita dan menrima budayen tidak puas hati dengan orang itu atau orang ini.

“Jauhi rasuah. Ia akan membina-sakan kita. Jangan gunakan politik wang. Apa nak jadi jika kita jual kuasa dengan nilai yang kecil,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penerangan tata-cara mesyuarat dan pemilihan Pergerakan Puteri UMNO dan taklimat khas Presiden UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Lebih 400 anggota termasuk ahli-ahli jawatankuasa pusat, ketua-ketua bahagian dan cawangan dari seluruh negara hadir pada majlis berkenaan.

Hndir sama pada majlis itu ialah Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun

Razak. Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakoh, Ketua Penerangan, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub, Ahli Majlis Tertinggi, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Ketua Puteri, Azalina Othman Said.

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri melancarkan kempen anti politik wang pergerakan itu sempena pemilihan Puteri UMNO peringkat bahagian pada 16 September hingga 15 Oktober dan pusat pada 2 November ini.

Kekuatan

Dr. Mahathir seterusnya berkata, amalan buruk dalam politik akan melemahkan kekuatan sekali gus memusnahkan parti jika dijadikan budaya setiap kiai menjelang pemilihan.

Menurut Perdana Menteri, anggota Puteri UMNO perlu mengamalkan budaya politik yang sihat jika mahu memastikan sayap baru itu terus teguh dan dihormati.

Beliau menarik perhatian, pergerakan tersebut merupakan sayap baru UMNO yang masih bersih daripada segala bentuk budaya tidak sihat.

Sehubungan itu, katanya, ahli-ahli pergerakan tersebut perlu terus memupuk nilai-nilai murni kerana sayap UMNO itu merupakan golongan pelapis pemimpin parti pada masa ini.

“Puteri masih bersih. Saya harap ia dapat dikekalkan,” katanya.

Dr. Mahathir tidak menafikan wu-

jud persaingan dalam mana-mana pemilihan terutama di peringkat bahagian dan pusat.

Dalam proses pemilihan tersebut, katanya, amalan memburuk-buruk peribadi pihak saingan akan menyebabkan kesan yang lebih buruk terhadap masa depan parti.

Amalan sedemikian, tegas beliau, akan mengakibatkan TJMNO tewas dalam pilihan raya apabila rakyat memberi imej buruk kepada para pemimpinnya.

“UMNO kalah dalam pilihan raya bukan kerana lawan kuat tetapi disebabkan masalah yang dilakukan sesama kita,” jelasnya.

Dr. Mahathir juga mengingatkan bahawa perjuangan dalam parti bukan bertujuan mendapatkan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri.

Sebaliknya, menurut beliau, perjuangan dalam parti adalah untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara.

“Kita berjuang bukan untuk diri kita. Dalam perlembagaan, tiada matlamat untuk mempejuangkan seseorang.

“Kita kena ingat, jika parti berjaya (bermakna) kita telah berjaya,” jelasnya.

Perdana Menteri berkata, dalam memilih pemimpin, setiap anggota pergerakan perlu menilai peribadi seseorang itu dari segi kewibawaan kepimpinannya tanpa terlalu melihat

kepada kelemahan atau kecacatannya.

Sementara itu, pada sidang akhbar selepas majlis tersebut, Dr. Mahathir

memberitahu, Ibu Pejabat UMNO tidak menerima sebarang laporan salah laku anggota Pergerakan Puteri UMNO sepanjang pemilihan cawangan

yang berlangsung sejak 1 Ogos lalu hingga 15 September ini.

“Sampai sekarang ini saya tidak mendengar apa-apa yang tidak baik. Saya tidak terima laporan,” katanya.